

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL EMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [ TENOM ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 ( KHAMIS )**

**SOALAN**

**PUAN NOORITA BINTI SUAL** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perkembangan lanjut berkenaan dengan penyelidikan 3 jenis dadah yang dicadangkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk dijadikan ubat COVID- 19 di Malaysia, berapa ramaikah pesakit yang terlibat dan adakah ianya dibuat secara sukarela.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berhubung dengan penyelidikan 3 jenis dadah yang dicadangkan oleh *World Health Organization* (WHO), kajian klinikal *WHO Solidarity Trial* dengan berkolaborasi bersama 405 hospital di 30 negara termasuk Malaysia telah dilaksanakan pada bulan April 2020. Hasil kajian menunjukkan bahawa *remdesivir*, *hydroxychloroquine*, *lopinavir* dan *interferon* mempunyai sedikit atau tidak ada kesan pada pesakit COVID-19 yang dirawat di hospital.
2. Kajian susulan *WHO Solidarity PLUS Trial* yang dilancarkan pada 11 Ogos 2021 pula melibatkan tiga jenis dadah iaitu *artesunate*, *imatinib* dan *infliximab*. Kajian tersebut melibatkan **seramai 360 pesakit** di 9 buah hospital KKM dan **dibuat secara sukarela**.
3. Selain itu, hingga bulan September 2021, pasukan penyelidik sedang melengkapkan dokumen bagi memenuhi keperluan kelulusan kajian dengan Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara. **Kajian ini dijangka akan bermula pada bulan Oktober 2021 bersama-sama dengan 52 negara di bawah pemantauan WHO.**

Sekian, terima kasih.